Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

IMPAK PELANCONGAN GUNUNG TERHADAP KOMUNITI GUNUNG DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR

THE IMPCT OF MOUNTAIN TOURISM ON THE MOUNTAIN COMMUNITY IN MALAYSIA: A LITERATURE REVIEW

Arnold Samih[1]
Jabil Mapjabil[2]

[1],Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah
Email: rnold_gonod@yahoo.com
[2]Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Kluster Etnografi dan Pembangunan, Universiti Malaysia Sabah

Article history
Received date : 21-9-2020
Revised date : 25-9-2020
Accepted date : 26-10-2020
Published date : 30-11-2020

To cite this document:
Samih, A., & Mapjabil, J.(2020). Impak Pelancongan Gunung Terhadap Komuniti Gunung Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 5 (29), 93 - 106.

Abstrak: *Sejak kebelakangan ini, pembangunan pelancongan di kawasan pergunungan berkembang dengan pesat di seluruh dunia termasuk negara Malaysia. Malaysia berpotensi besar untuk membangunkan pelancongan gunung di peringkat antarabangsa kerana mempunyai bentuk muka bumi bergunung-ganang yang unik di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pelbagai aktiviti dan produk pelancongan ditawarkan bagi memenuhi kepelbagaian minat dan permintaan pelancong di kawasan pergunungan. Pembangunan pelancongan di kawasan pergunungan juga diiktiraf sebagai salah satu strategi paling efisien dalam usaha meningkatkan taraf hidup komuniti di kawasan pedalaman dan terpencil. Pembangunan pelancongan gunung sangat penting kerana kebanyakan komuniti gunung dikenal pasti sebagai golongan masyarakat yang miskin dan paling terpinggir di dunia. Oleh itu, pelancongan gunung tentulah memberi impak yang besar kepada komuniti gunung kerana kawasan pergunungan adalah sangat sensitif kepada sebarang bentuk gangguan. Impak terhadap komuniti gunung terbahagi kepada dua perspektif iaitu positif dan negatif bergantung pada hasil dan manfaat yang diperoleh mereka. Ringkasnya, tujuan penulisan tinjauan literatur ini adalah untuk mengenal pasti impak pelancongan gunung ke atas ekonomi, sosial dan budaya komuniti yang tinggal di kawasan pergunungan di Malaysia. Artikel ini turut membincangkan tentang takrifan pelancongan gunung dan komuniti gunung. Selain itu, pola dan lokasi pelancongan gunung di Malaysia juga dibincangkan secara ringkas. Perbincangan ini penting kerana dalam konteks pelancongan di Malaysia, istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan oleh penyelidik tempatan. Penulisan tinjauan literatur ini menggunakan kaedah meninjau bahan literatur secara sistematik. Tinjauan literatur ini diharap dapat meningkatkan lagi pemahaman tentang ruang lingkup pelancongan gunung di Malaysia.*

Kata kunci: *Impak, Gunung, Pelancongan gunung, Komuniti gunung*

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Abstract: *Mountain Tourism is any tourism activity which takes place in areas specific to mountain areas. Of late, tourism development in mountain areas has been taking a fast pace in many countries not excluding Malaysia. Malaysia is potentially able to flourish internationally in Mountain Tourism due to its unique mountainous topography in the interior regions of the Peninsular, Sabah and Sarawak. Variety of tourism products and activities are offered to attain the diversity of interest and demands of tourists. Apart from attaining these, the expansion of tourism in mountain areas is also known to be one of the most efficient strategies in boosting the livelihood of the mountain community, especially of those in secluded areas. For this community group, the development of mountain tourism is instrumental apparently because this community group is believed to be the most isolated community living under the poverty line. In other words, mountain tourism is supposed to be in the central part of their livelihood, being impacted both positively and negatively. This is predominantly because mountain areas are characterised as sensitive to any form of distraction. In a nutshell, this literature review is focussed on identifying the impacts of mountain tourism on this community group in regards to their economy, social and culture. This review also discusses the definition of mountain tourism and mountain community, aside from the pattern and locations of mountain tourism in Malaysia. This discussion is crucial in Malaysian context primarily because the term Mountain Tourism is scarcely used by any local researchers.*

Keywords: *Impact, Mountain Tourism, Mountain Community, Mount Kinabalu*

Pengenalan

Sektor pelancongan diiktiraf sebagai pemangkin pertumbuhan utama bagi pembangunan sosioekonomi di kawasan destinasi pelancongan luar bandar (Fong *et al*., 2014) dan telah dikenal pasti sebagai nadi utama pembangunan Malaysia ke arah mencapai status negara maju (Zurina, 2015). Bermula pada tahun 1970, kerajaan Malaysia telah membangunkan industri pelancongan untuk memenuhi beberapa objektif seperti peningkatan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan, menggalakkan pembangunan kawasan, mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan (Ghazali, 2000). Industri ini turut mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan pendapatan sampingan kepada komuniti setempat (Zanisah *et al*., 2009).

Salah satu destinasi pelancongan yang popular dalam kalangan pelancong adalah kawasan pergunungan. Kawasan pergunungan secara fizikalnya adalah unik jika dibandingkan dengan destinasi pelancongan yang lain. Keunikan kawasan pergunungan biasanya dikaitkan dengan lokasinya yang terletak di kawasan pedalaman yang kaya dengan persekitaran semula jadi yang sangat menakjubkan (Curto, 2006). Menurut UNEP (2007), kawasan pergunungan merupakan destinasi pelancongan kedua popular selepas pantai dan kepulauan dengan menjana 15-20 peratus daripada jumlah pendapatan pelancongan global tahunan atau US$70-90 bilion setahun. Pembangunan pelancongan di kawasan pergunungan diiktiraf sebagai salah satu strategi paling efisien dalam usaha meningkatkan taraf hidup komuniti di kawasan pedalaman dan terpencil (Beeton, 2006).

Malaysia berpotensi besar untuk membangunkan pelancongan gunung di peringkat antarabangsa kerana mempunyai bentuk muka bumi yang bergunung-ganang di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Hal ini sejajar dengan usaha Malaysia yang sedang giat dalam mempelbagaikan lagi produk pelancongan berkualiti bagi merangsang

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

permintaan pelancongan di peringkat antarabangsa dan domestik (Noor Azrina, 2008). Potensi dan usaha ini dapat dibuktikan melalui jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia iaitu antara yang tertinggi di dunia. Pada tahun 2018 misalnya, Malaysia mencatatkan kedatangan seramai 25.83 juta orang pelancong asing dengan hasil pendapatan sebanyak RM84.13 bilion (Tourism Malaysia, 2019). Malahan, Organisasi Pelancongan Dunia (WTO) mengiktiraf Malaysia sebagai negara ke-12 paling ramai dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia pada tahun 2016.

Dalam usaha memperkasakan industri pelancongan Malaysia, tumpuan sering kali diberikan terhadap keunikan produk pelancongan di kawasan tanah tinggi (Wan Suzita *et al*., 2016) disebabkan bentuk muka buminya yang menarik, spesies flora dan fauna endemik dan komuniti tempatan yang kaya dengan nilai-nilai budaya setempat (Chan Ngai Weng *et al*., 2013). Selain itu, kawasan pelancongan tanah tinggi di negara ini kaya dengan pelbagai sumber alam semula jadi yang mampu menjadi perangsang kepada pembangunan ekonomi negara (Wan Suzita *et al*., 2016). Malah kawasan pelancongan ini turut memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan penyediaan perkhidmatan kepada penduduk setempat (Mohd Suhaily *et al*., 2014). Namun, terdapat bahaya dalam mempromosikan kawasan pergunungan sebagai destinasi pelancongan. Hal ini kerana kawasan pergunungan merupakan kawasan yang sangat rapuh dan sensitif kepada sebarang bentuk gangguan. Gangguan di kawasan pergunungan memberi implikasi langsung kepada komuniti gunung dalam pelbagai aspek kehidupan (Nepal, 2002).

Objektif tinjauan literatur ini adalah untuk meneliti impak pelancongan di kawasan pergunungan kepada komuniti yang tinggal di kawasan tersebut. Hal ini kerana komuniti yang tinggal di kawasan destinasi pelancongan adalah mereka yang paling terjejas secara langsung oleh pembangunan pelancongan (Haywood, 2000). Tinjauan literatur ini bersifat kualitatif menggunakan kaedah meninjau bahan literatur secara sistematik di mana maklumat dan data penyelidikan sedia ada dikaji, dinilai dan dirumuskan dengan teratur (Heyvaert *et al*., 2013). Penulisan ini penting kerana dalam konteks pelancongan di Malaysia, istilah pelancongan gunung masih terlalu asing digunakan oleh penyelidik tempatan. Kebanyakan penyelidik tempatan menggunakan istilah pelancongan tanah tinggi sepertimana kajian yang telah dilakukan oleh Jabil dan Mohd. Khairuddin (2010), Chan Ngai Weng *et al*. (2013) dan Wan Suzita *et al*. (2016).

Takrif Dan Konseptual

Pelancongan Gunung

Kawasan pergunungan merangkumi kira-kira 20 peratus daripada landskap bumi (Denniston, 1995). Keller (2014) pula menganggarkan 24 peratus daripada keseluruhan permukaan tanah adalah kawasan pergunungan meliputi setiap benua, terdapat di 139 buah negara dan dalam semua jenis ekosistem utama dunia dari kawasan gurun panas, hutan tropika sehinggalah ke kawasan yang diliputi ais. Semua kawasan pergunungan mempunyai satu kesamaan ciri-ciri utama iaitu perubahan drastik iklim, jenis tumbuhan dan tanih pada setiap ketinggian dalam jarak yang sangat dekat (UNEP, 2007). Keadaan ini membawa kepada perbezaan dramatik terhadap habitat dan kepelbagaian biodiversiti yang tinggi. Oleh itu, adalah sukar untuk membangunkan definisi standard gunung kerana ada kalanya ia bersifat individu dan sangat subjektif seperti yang diungkapkan oleh Peattie.

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

> *To a large extent then, a mountain is a mountain because of the part it plays in popular imagination. It may be hardly more than a hill but if it has distinct individuality, or plays a more or less symbolic role to the people, it is likely to be rated a mountain by those who live about its base* (Peattie, 1936: 4).

UNEP (2007) sekadar mentakrifkan gunung sebagai bentuk muka bumi yang mempunyai ketinggian lebih daripada 300 meter atau 984 kaki dari paras laut. Kebanyakan negara di benua Eropah mempunyai definisi undang-undang 'kawasan gunung' yang tersendiri. Contohnya, di Itali, *comunità montane* (komuniti gunung) ditakrifkan sebagai kawasan di atas 600 meter dari paras laut (Romano, 1995). Manakala, Ireland dan Great Britain secara tradisinya menganggap gunung sebagai daratan yang berketinggian melebihi 610 meter atau 2000 kaki dari paras laut (Wilson, 2001). Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009) pula mentakrifkan gunung sebagai tanah yang mempunyai kedudukan lebih dari 1,000 meter dari paras muka laut. Dapat diterima secara umum di seluruh dunia bahawa kawasan pergunungan ialah bentuk muka bumi berketinggian lebih 300 meter dari paras laut yang meliputi keluasan 34 juta kilometer persegi atau kira-kira 23 peratus daripada keseluruhan permukaan daratan bumi (Funnell dan Parish, 2005). Jadual 1 menunjukkan beberapa kawasan pergunungan utama di dunia.

Jadual 1 Kawasan pergunungan utama di dunia

Benua	Kawasan pergunungan utama
Asia	Pergunungan Zagros
	Pergunungan Altai
	Pergunungan Caucasus
	Banjaran Himalaya
	Banjaran Ural
Afrika	Pergunungan Atlas
Amerika Utara	Banjaran Rocky
	Banjaran Appalachian
Amerika Selatan	Banjaran Andes
Eropah	Banjaran Alps
	Pegunungan Carpathian
Australia	Pergunungan Pemisah Besar (Great Dividing Range)
Antartika	Banjaran Trans Antartika

Sumber: Daripada pelbagai literatur (2019).

Kawasan pergunungan sentiasa menarik kedatangan pengunjung – dari penghijrah, penjelajah dan pengembara sejak zaman silam sehinggalah kepada pelancong moden (Nepal, 2011). Cuaca dan udara yang segar, keunikan landskap dan hidupan liar, budaya tempatan, warisan sejarah, aktiviti sukan berasaskan salji dan alam semula jadi menjadi faktor utama kawasan pergunungan sebagai destinasi pelancongan utama pada masa kini. Langkah membangunkan kawasan pergunungan adalah sangat penting untuk pembangunan pelancongan di sesebuah negara (Nepal, 2011). Contohnya di negara-negara pergunungan seperti Switzerland di Eropah dan Nepal di Himalaya, aktiviti meluncur salji, mendaki dan kembara gunung adalah sangat popular dalam kalangan pelancong di dunia. Aktiviti pelancongan ini dikenali sebagai pelancongan gunung.

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Berdasarkan perbincangan tadi, pelancongan gunung adalah sejenis aktiviti pelancongan yang berlaku dalam satu definisi dan ruang geografi yang terhad seperti bukit atau gunung dengan beberapa ciri dan sifat tersendiri seperti landskap, topografi, iklim, biodiversiti (flora dan fauna) dan komuniti setempat (WTO, 2013). Pelancongan gunung biasanya dikaitkan dengan apa sahaja aktiviti pelancongan yang berlaku di kawasan pergunungan (Godde *et al*., 2000). Nepal dan Chipeniuk (2005) berpendapat bahawa definisi pelancongan gunung perlu diperluaskan dengan memasukkan pembangunan pelancongan, rekreasi dan peningkatan kemudahan infrastruktur. Sebagai rumusan, pelancongan gunung boleh ditakrifkan sebagai pergerakan seseorang atau sekumpulan individu keluar daripada rumah atau kawasan tempat tinggal untuk masa yang singkat tetapi tidak kurang daripada 24 jam ke kawasan pergunungan atas pelbagai sebab dan tujuan. Ia melibatkan semua jenis aktiviti pelancongan di kawasan pergunungan.

Komuniti Gunung

Istilah ‘komuniti’ banyak digunakan dalam pelbagai penulisan tetapi jarang didefinisikan (Barry, 1995). Malahan konsep komuniti itu sendiri sebenarnya masih boleh dipertikaikan disebabkan oleh ciri-ciri komuniti yang pelbagai (Mizpal *et al*., 2015). Selain itu, perkataan komuniti juga telah diberikan pelbagai tafsiran (Khairul dan Ibrahim, 2007). Walau bagaimanapun, menurut South Gloucestershire Council (2003), komuniti adalah lokaliti iaitu kedudukan sesuatu kawasan seperti kejiranan yang berkongsi identiti budaya, pengalaman dan minat yang sama. Komuniti biasanya melambangkan sesuatu yang kecil, pemusatan secara politik, unit ekonomi dan sosial yang mana ahlinya berkongsi nilai secara umum (Uhegbu, 2001). Sementara itu, Anyanwu (1992) menjelaskan bahawa komuniti mempunyai pertalian dengan kawasan terpencil yang mempunyai penduduk yang stabil dan bergantung kepada kemudahan aktiviti ekonomi dan sosial serta mengambil berat tentang hubungan sosial.

Conyers dan Little (1992) pula menitikberatkan tiga kriteria penting yang perlu dipertimbangkan dalam memberi takrif komuniti sepertimana yang disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu (i) konsep komuniti mempunyai komponen fizikal iaitu sekumpulan manusia yang tinggal di satu kawasan tertentu dan berinteraksi sesama sendiri; (ii) ahli-ahli dalam suatu komuniti yang biasanya mempunyai beberapa ciri persamaan yang membolehkan mereka dikenal pasti sebagai satu kumpulan; dan (iii) kumpulan tersebut mestilah mempunyai perkongsian pandangan dan cadangan untuk memenuhi keperluan pembangunan masa depan dalam komuniti mereka. Komuniti manusia biasanya akan memperoleh, memahami dan mempelajari sesuatu perkara untuk menyesuaikan diri mereka dengan persekitaran (Noraniza *et al*., 2011).

Secara umumnya, konsep ‘komuniti’ boleh dirumuskan sebagai sekumpulan kecil manusia yang tinggal di suatu petempatan, mengamalkan suatu tahap autonomi dan cara hidup tersendiri, berkongsi aspirasi dan kehendak, berpartisipasi dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan serta mempunyai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan (Yahaya, 2007). Manakala, konsep komuniti gunung pula merujuk kepada sekumpulan manusia yang mendiami kawasan pergunungan. Konsep ini bersesuaian dengan takrifan komuniti gunung yang dikemukakan oleh Mathieson dan Wall (1982) iaitu semua orang yang tinggal di kawasan pergunungan. Dianggarkan satu daripada sepuluh penduduk dunia atau sekitar 10 hingga 12 peratus daripada keseluruhan penduduk bumi tinggal di kawasan pergunungan (Huddleston *et al*., 2003). Komuniti gunung dikenal pasti sebagai golongan masyarakat yang miskin dan paling terpinggir di dunia (Kruk *et al*., 2007). Sekitar 80 peratus penduduk yang mendiami kawasan pergunungan hidup di bawah paras kemiskinan (Ives, 1997).

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Pola Dan Lokasi Pelancongan Gunung Di Malaysia

Berpandukan takrifan gunung oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009), didapati terdapat lebih 30 buah gunung yang berpotensi menjadi destinasi pelancongan gunung terkemuka yang terletak di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Jabil dan Mohd. Khairuddin (2010) membahagikan pola pelancongan tanah tinggi di Malaysia kepada tiga zon utama iaitu zon utara Semenanjung Malaysia, zon tengah Semenanjung Malaysia dan zon Malaysia Timur yang terdiri daripada negeri Sabah dan Sarawak. Terdapat empat kawasan pelancongan tanah tinggi di zon utara Semenanjung Malaysia iaitu Gunung Mat Chincang dan Gunung Jerai di Kedah, Bukit Bendera di Pulau Pinang dan Bukit Larut di Taiping, Perak. Zon tengah Semenanjung Malaysia juga mempunyai empat kawasan pelancongan utama iaitu Cameron Highlands, Bukit Fraser, Bukit Tinggi dan Genting Highlands yang semuanya terletak di negeri Pahang. Manakala pelancongan gunung bagi zon Malaysia Timur ialah Gunung Mulu di Sarawak, Gunung Kinabalu dan Gunung Trusmadi di Sabah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Banjaran gunung dan lokasi utama aktiviti pelancongan gunung di Malaysia

Kawasan	Lokasi utama aktiviti pelancongan gunung
Zon utara Semenanjung Malaysia	Gunung Mat Chincang
	Gunung Jerai
	Bukit Bendera
	Bukit Larut
Zon tengah Semenanjung Malaysia	Cameron Highlands
	Bukit Fraser
	Bukit Tinggi
	Genting Highlands
Zon Malaysia Timur	Gunung Mulu (Taman Negara Mulu)
	Gunung Kinabalu (Taman Negara Kinabalu)
	Gunung Trusmadi (Banjaran Trusmadi)

Sumber: Diubah suai daripada Jabil dan Mohd. Khairuddin (2010).

Kesemua lokasi utama kawasan pergunungan seperti dalam Jadual 2 menyediakan pelbagai aktiviti pelancongan gunung antaranya kembara hutan, lawatan dan ekspedisi khas, mendaki gunung, menikmati pemandangan, melihat kekayaan budaya tempatan serta menyertai pelbagai aktiviti berkaitan alam semula jadi.

Impak Pelancongan Gunung Terhadap Komuniti Gunung

Sektor pelancongan merupakan agen perubahan ekonomi, sosial dan budaya komuniti setempat selain turut membawa perubahan ke atas alam sekitar (Md Shafiin *et al*., 2017). Oleh itu, komuniti di kawasan pergunungan sering menganggap pelancongan sebagai pilihan pertama untuk pembangunan, dengan syarat impak alam sekitar diminimumkan dan perusahaan pelancongan dapat diakses oleh pelabur dan komuniti setempat (Gurung *et al*., 2009). Namun, pelancongan juga membawa banyak cabaran (Mountain Agenda, 1999). Dogan (1989) menegaskan pelancongan boleh menyebabkan perubahan tabiat, rutin harian, kehidupan sosial, kepercayaan dan nilai-nilai dalam komuniti. Perubahan ini membawa impak langsung kepada kehidupan komuniti gunung dan budaya mereka (Palomo, 2017). Impak terhadap komuniti

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

mempunyai dua perspektif iaitu positif dan negatif bergantung pada hasil dan manfaat yang diperoleh mereka.

Impak Ekonomi

Pembangunan pelancongan di kawasan tanah tinggi dan pergunungan memberi peluang pekerjaan baharu kepada komuniti yang tinggal di kawasan destinasi pelancongan tersebut (Zanisah *et al*., 2009; Hitchner *et al*., 2009; Norlida *et al*., 2012; Goh, 2015). Peluang pekerjaan seperti pemandu pelancong, pemandu arah gunung (malim gunung) dan pengangkut barang (porter) telah memberikan sumber pendapatan alternatif yang penting dalam meningkatkan taraf hidup komuniti tempatan (Zanisah *et al*., 2009). Contohnya, sehingga tahun 2018, terdapat sejumlah 250 orang malim gunung dan 50 orang porter berdaftar di Taman Negara Kinabalu yang turut dianggotai golongan wanita. Perkara ini bukan sahaja menunjukkan jumlah peluang pekerjaan yang tinggi sebagai malim gunung dan porter tetapi juga memperlihatkan penglibatan golongan wanita dalam sektor pelancongan (Goh, 2015).

Kajian yang dilakukan oleh Norlida *et al*. (2012) mendapati industri pelancongan telah meningkatkan pendapatan Orang Asli di Cameron Highlands. Manakala komuniti tempatan yang tinggal di sekitar Gunung Kinabalu bersetuju bahawa pelancongan telah memberi mereka peluang untuk memperbaiki kehidupan mereka. Kehidupan komuniti menjadi lebih baik melalui pelbagai peluang pekerjaan baharu yang tersedia hasil daripada aktiviti pelancongan sama ada secara langsung atau tidak langsung (Mastura *et al.*, 2015). Sebagai contoh, aktiviti mendaki di Gunung Kinabalu telah memberi peluang kepada penduduk tempatan berkerja sebagai pemandu pelancong, malim gunung, porter, pasukan bantuan mencari dan menyelamat, kerani, jurujual, pemandu bas dan sebagainya. Sementara itu, penduduk tempatan di Banjaran Crocker menikmati peluang pekerjaan sebagai renjer hutan di Pusat Infomasi Rafflesia, Tambunan (Awangku Hassanal, 2009).

Selain itu, pelancongan menyediakan pasaran baharu untuk perniagaan kecil dan menggalakkan pembangunan perniagaan secara langsung dan tidak langsung (Mastura *et al*., 2015). Buktinya, banyak gerai menjual sayur-sayuran, restoran, kedai runcit, kraftangan dan homestay telah dibina oleh penduduk tempatan di sepanjang jalan raya utama dari pekan Kundasang ke Taman Negara Kinabalu. Di kawasan Taman Negara Tahan (Gunung Tahan) pula, kajian yang dilakukan ke atas komuniti orang asli Batek mendapati kebanyakan golongan wanita Batek terlibat secara langsung dalam menghasilkan produk kraftangan untuk dijual kepada pelancong (Zanisah *et al*., 2009). Manakala di Bario dan beberapa perkampungan tanah tinggi Kelabit yang lain, ketibaan lebih ramai pelancong memberikan manfaat maksimum kepada komuniti setempat melalui permintaan yang tinggi terhadap sumber makanan tempatan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan daging haiwan ternakan (Hitchner *et al*., 2009).

Walau bagaimanapun, pembangunan pelancongan juga menyebabkan kenaikan harga rumah dan kos membina rumah, peningkatan harga barang keperluan dan peningkatan keperluan kewangan untuk sokongan keluarga dalam kalangan orang asli di Cameron Highlands (Norlida *et al*., 2012). Orang Batek di sekitar Gunung Tahan pula semakin bergantung secara keterlaluan kepada aktiviti pelancongan menyebabkan pada musim tengkujuh, mereka menghadapi kesempitan hidup berikutan kekurangan pelancong (Zanisah *et al*., 2009). Sementara itu, penemuan penyelidikan oleh Goh dan Mariney (2010) mendedahkan bahawa terdapat sentimen tidak puas hati dalam kalangan penduduk dan pelawat tempatan mengenai bayaran dan kos yang mahal untuk mendaki Gunung Kinabalu yang dikendalikan oleh pihak swasta. Sebagai

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

perbandingan, bayaran penginapan asrama meningkat dari RM30.00 kepada RM188.00 (termasuk makanan) pada tahun 2007 dan terus meningkat kepada RM330.00 seorang pada tahun 2009. Mereka yang tidak berkemampuan dari segi kewangan tidak akan berpeluang mendaki gunung Kinabalu dan menikmati kemudahan yang disediakan di Taman Kinabalu (Goh dan Mariney, 2010).

Selain itu, berlaku persaingan perniagaan dan eksploitasi pekerjaan antara penduduk tempatan dengan masyarakat luar seperti dapatan kajian yang dilakukan oleh Zanisah *et al*. (2009) ke atas komuniti Batek di Taman Negara Tahan. Dalam kajian tersebut, didapati pemandu pelancong Batek tidak mempunyai lesen sah sebagai pemandu pelancong yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia atas faktor kesedaran dan tidak berkemampuan mengikuti kursus pemandu pelancong. Akibatnya, mereka tidak dapat mengembangkan kerjaya dan sering didiskriminasi dari segi bayaran upah. Keadaan ini diburukkan lagi dengan keterlibatan pemandu pelancong Melayu yang turut terlibat dalam urusan jual beli hasil kraftangan komuniti Batek kepada para pelancong. Kesannya, kebijaksanaan pemandu pelancong Melayu dalam urusan jual beli tersebut membolehkan mereka meraih keuntungan yang lebih besar berbanding komuniti Batek itu sendiri.

Impak Sosial

Pembangunan pelancongan mewujudkan persaingan ruang di antara pengusaha industri pelancongan, agensi pelindung hutan simpan dan komuniti setempat (Tekguc, 2012; Chan Ngai Weng *et al*., 2013). Contohnya, Suriati *et al*. (2006) telah mengkaji tentang aspek sosioekonomi ekopelancongan terhadap orang asli di Cameron Highlands, Pahang. Dapatan kajian tersebut mendapati pembangunan pesat di Cameron Highlands telah melangkaui sempadan tanah warisan orang asli dan kawasan hutan tempat mereka mencari sumber makanan. Akibatnya, kehidupan mereka terjejas kerana mereka telah kehilangan tempat tinggal dan mata pencarian. Selain itu, pembangunan pesat di beberapa kawasan tanah tinggi di Malaysia membawa kepada peningkatan kejadian tanah runtuh yang lazimnya memusnahkan rumah orang asli. Misalnya, pada 29 Ogos 1996, berlaku kejadian tanah runtuh dan aliran lumpur di sekitar petempatan orang asli di Pos Dipang dekat Kampar, Perak yang memusnahkan berpuluh-puluh rumah orang asli (Chan Ngai Weng *et al*., 2013).

Menurut Ramzah dan Amirah (2008), penduduk di Kundasang boleh dilihat sebagai mangsa kepada dinamik pembangunan yang melampaui tahap ketersediaan mereka dari segi latar pendidikan dan keserasian kepada elemen-elemen urbanisasi disebabkan oleh tahap 'mandiri' penduduk setempat yang lemah. Situasi tersebut menimbulkan pelbagai gejala kemasyarakatan yang menjurus kepada persoalan keadilan sosial. Antaranya (i) isu penjualan tanah kepada kapitalis luar; (ii) pencemaran alam sekitar; (iii) perubahan pola demografi dan komposisi penduduk; (iv) kewujudan petempatan setinggan; dan (v) meningkatnya kadar penghijrahan para penduduk muda dalam kalangan kaum pribumi. Oleh itu, Ramzah dan Amirah (2008) menegaskan bahawa pembangunan pelancongan di Kundasang belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat yang kebanyakannya merupakan kaum pribumi.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Zanisah *et al*. (2009) ke atas komuniti Batek di Taman Negara Tahan mendapati pelancongan memberi kesan yang signifikan kepada komuniti tersebut. Walaupun penglibatan komuniti Batek dalam industri pelancongan memberi manfaat positif kepada mereka dari segi peluang pekerjaan dan pendapatan, pelancongan juga telah meninggalkan beberapa impak negatif ke atas komuniti Batek seperti (i) hak privasi individu

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

dan komuniti terganggu; (ii) membataskan kebebasan bergerak mencari sumber kehidupan; dan (iii) meningkatnya ancaman kesihatan dan jangkitan penyakit dari luar. Jadual 3 menjelaskan kesan negatif pelancongan terhadap komuniti Batek di Taman Negara Tahan.

Jadual 3 Kesan negatif pelancongan terhadap sosial komuniti Batek di Taman Negara Tahan

Isu	Penerangan
Hak privasi individu dan komuniti	Kedatangan pelancong secara berterusan telah mendatangkan gangguan kepada aktiviti harian komuniti Batek. Contohnya, gangguan terhadap aktiviti membuat alatan memburu seperti damak/buluh sumpitan. Komuniti Batek terpaksa membuat damak di kawasan yang lebih tersembunyi dan jauh daripada laluan utama para pelancong.
Membataskan kebebasan bergerak mencari sumber kehidupan	Peningkatan pergantungan komuniti Batek kepada sektor pelancongan menyebabkan ketergantungan mereka kepada sumber hutan telah berkurangan. Pelancongan juga telah menghadkan mobiliti ruang komuniti Batek.
Ancaman kesihatan dan jangkitan penyakit	Komuniti Batek mudah diancam jangkitan penyakit dari luar disebabkan pendedahan secara berterusan dengan pelancong. Selain itu, pengambilan makanan dan minuman ringan berkarbonat dan mengandungi bahan pewarna serta pengawet yang tinggi yang diberikan oleh pelancong kepada kanak-kanak Batek memberi kesan tidak baik terhadap kesihatan kanak-kanak tersebut. Situasi ini boleh mengancam nyawa kanak-kanak berkenaan kerana mereka hanya bergantung kepada perubatan tradisional dalam isu penjagaan kesihatan.

Sumber: Diubah suai daripada Zanisah *et al*. (2009)

Perbincangan impak sosial ini menunjukkan bahawa pembangunan pelancongan di kawasan yang terpencil seperti kawasan pergunungan telah membawa kepada perubahan struktur masyarakat secara positif dan negatif. Oleh itu, impak pelancongan terhadap kehidupan sosial komuniti setempat adalah penting untuk dipertimbangkan dalam proses perancangan pembangunan pelancongan supaya manfaat positif dapat dioptimumkan.

Impak Budaya

Pembangunan pelancongan di kawasan pergunungan telah meningkatkan bilangan ketibaan orang asing ke kawasan penempatan komuniti gunung. Ini bermakna perkampungan masyarakat pribumi menjadi destinasi pelancongan yang sering dikunjungi pelancong luar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Keadaan ini memberi peluang kepada komuniti tempatan memperkenalkan budaya dan tradisi mereka kepada masyarakat luar selain meningkatkan rasa bangga terhadap budaya mereka sendiri (Norlida *et al*., 2012). Sebagai contoh, komuniti Batek di Taman Negara Tahan berpeluang memperkenalkan tradisi mereka kepada pelancong melalui demonstrasi membuat api dan menyumpit secara tradisional, di samping itu pelancong diberi peluang mencuba sendiri aktiviti tersebut (Zanisah *et al*., 2009). Manakala di Bario yang terletak di Kelabit Highland, penduduk tempatan yang terdiri daripada wanita berusia berpeluang memperagakan pakaian tradisional mereka ketika berbaris untuk menyambut ketibaan para pelancong di lapangan terbang (Adeyinka-Ojo dan Khoo-Lattimore, 2013).

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Walau bagaimanapun, salah satu cabaran utama pelancongan ialah dilema mempertahankan kesucian dan hak budaya komuniti. Contohnya, komuniti Batek di Taman Negara Tahan menghadapi cabaran melindungi adat resam dan amalan budaya mereka daripada tontonan umum kerana sesetengah pemandu pelancong menjadikan tarikan budaya ini sebagai tarikan utama pelancong bagi menjana keuntungan (Zanisah *et al*., 2009). Manakala di Gunung Kinabalu pula, masyarakat peribumi KadazanDusun kehilangan akses ke tempat suci mereka apabila Gunung Kinabalu diwartakan sebagai Taman Negara pada tahun 1964. Sejak itu, amalan ritual pribumi KadazanDusun di tempat suci mereka telah dihentikan (Tekguc, 2012). Kini, ramai generasi muda KadazanDusun tidak lagi memahami hubungan budaya dan rohani mereka dengan Gunung Kinabalu (Global Diversity Foundation, 2019).

Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan terhadap orang asli Batek oleh Zuriatunfadzliah *et al*. (2009) menunjukkan komuniti Batek mendapat kesan langsung daripada aktiviti pelancongan di Taman Negara Tahan. Didapati komuniti Batek menerima baik aktiviti pelancongan kerana telah memberi nilai tambah kepada kehidupan mereka dari segi bahasa, pemakanan, pakaian dan kraf tangan. Berpandukan maklumat dalam Jadual 4, ia jelas menunjukkan bahawa pelancongan penting kepada kehidupan komuniti Batek di Taman Negara Tahan. Walau bagaimanapun, pelancongan juga menyebabkan mereka 'dipaksa' berubah dan beradaptasi dengan pengaruh luar yang dibawa masuk ke dalam komuniti mereka oleh pelancong.

Jadual 4 Impak pelancongan terhadap budaya komuniti Batek di Taman Negara Tahan

Perkara	Impak	
	Positif	Negatif
Bahasa	Menguasai bahasa Melayu dan boleh memahami bahasa Inggeris dengan baik tanpa menjejaskan bahasa ibunda.	Sebutan bahasa Inggeris mempunyai dialek bahasa orang Batek dan dialek bahasa penduduk Kuala Tahan yang agak sukar difahami pelancong.
Pemakanan	Berupaya menerima dan beradaptasi dengan makanan lain selain sumber makanan dari hutan.	Segelintir orang Batek mula meminum arak terutamanya golongan muda.
Pakaian	Pemakaian orang Batek telah beradaptasi mengikut kesesuaian budaya Malaysia.	Pemakaian pakaian tradisional iaitu cawat yang diperbuat daripada kulit kayu tidak lagi diamalkan. Golongan muda terpengaruh dengan gaya berpakaian pelancong terutamanya pelancong barat.
Kraf tangan	Orang Batek melakukan inovasi dengan mencipta kraf tangan baharu seperti gelang.	Hasil kerja kraf tangan tidak lagi tulus kerana telah menjadi satu produk budaya-pelancong yang komersial.

Sumber: Diubah suai daripada Zuriatunfadzliah *et al*. (2009)

Berdasarkan perbincangan tadi, aktiviti pelancongan memberikan kesan jangka panjang terhadap nilai dan amalan kebudayaan komuniti di kawasan destinasi pelancongan. Penglibatan komuniti dalam industri pelancongan seperti mempamerkan budaya mereka kepada masyarakat luar sebagai komoditi pelancongan telah mengundang pelbagai kesan positif dan negatif kepada komuniti tersebut.

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pelancongan gunung memberi impak langsung kepada komuniti yang tinggal di kawasan pergunungan dari segi ekonomi, sosial dan budaya. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa impak pelancongan gunung terhadap komuniti terbahagi kepada dua perspektif iaitu positif dan negatif bergantung kepada hasil dan manfaat yang diperoleh mereka. Oleh itu sekiranya kawasan pergunungan dimajukan sebagai kawasan pelancongan, ia mestilah memfokuskan kepada perancangan dan dasar pembangunan jangka panjang agar pembangunan tersebut memberikan manfaat positif yang optimum kepada komuniti di kawasan tersebut. Perancangan dan dasar tersebut mestilah merangkumi eleman kelestarian, ekuiti jantina, insentif kewangan, nilai budaya dan integrasi ekonomi tempatan. Tinjauan literatur ini diharap dapat meningkatkan lagi pemahaman tentang ruang lingkup bidang yang difokuskan iaitu pelancongan gunung.

Rujukan

Adeyinka-Ojo S. F., & Khoo-Lattimore, C. (2013). The making of "authentic" tourism experience: the case of Bario, Sarawak. *BIMP-EAGA Journal for Sustainable Tourism Development*, 2(2): 51-53.

Anyanwu, C. N. (1992). Community development: The Nigerian perspective. Ibadan: Gabesther Educational Publishers. Dlm. Uhegbu, A.N. (2001). *Deterrents to information service for community development.* MBC University Press: Amerika Syarikat.

Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul (2009). *Success of ecotourism sites and local community participation in Sabah*. PhD thesis (Unpublished). Victoria University of Wellington.

Barry, C. (1995). Six strategies of community change. *Community Development Journal*, 30(1): 2-20.

Beeton, S. (2006). *Community Development through Tourism*. Landlinks Press: Collingwood, Australia.

Chan Ngai Weng, Asyirah Abdul Rahim, Narimah Samat & Jamaluddin Md. Jahi (2013). Masalah pembangunan tanah tinggi dan pengurusannya di Malaysia. *Conference Paper: Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu*, Pekanbaru, Vol. 1: 1-20.

Conyers, D., & Little, P. (1992). *An Introduction to Development Planning in the 3rd World*. John Wileys & Sons: Chichester.

Curto, J. (2006). *Resident Perceptions of Tourism in a Rapidly Growing Mountain Tourism Destination*. Master thesis (Unpublished). University of Waterloo, Canada.

Denniston, D. (1995). High Priorities: Conserving Mountain Ecosystems and Culture. *Worldwatch Paper No. 123*. Worldwatch Institute: Washington D.C.

Dogan, H. (1989) Forms of adjustment: Sociocultural impacts of tourism. *Annals of Tourism Research*, 16: 216-236.

Fong Sook Fun, Lo May Chiun, Peter Songan & Vikneswaran Nair (2014). The impact of local communities' involvement and relationship quality on sustainable rural tourism in rural area, Sarawak. The moderating impact of self-efficacy. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol. 144: 60-65.

Funnell, D., & Parish, R. (2005). *Mountain Environments and Communities*. Routledge: London & New York.

Ghazali Musa (2000). Tourism in Malaysia. *In* Michael Hall & Stephen Page (Eds.), *Tourism in South and South East Asia: Issues and cases* (pp.144-156). Butterworth- Heinemann, Auckland.

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Global Diversity Foundation (2019). *Dusun communities revive spiritual connection with sacred mountain*. https://www.global-diversity.org/dusun-communities-revive-spiritual-connection-with-sacred-mountain/

Godde, P. M., Price, M. F., & Zimmermann, F. M. (2000). *Tourism and Development in Mountain Regions*. CABI Publishin, United Kingdom.

Goh H. C. (2015). Influence of park governance on tourism development in Kinabalu Park, Malaysia Borneo. *WIT Transactions on Ecology and The Environment*, Vol. 193: 929-939.

Goh, H.C., & Mariney, M.Y. (2010). Sustaining tourism development in protected areas. A case of Kinabalu Park. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 1(2): 179-183.

Gurung, A. B., Bokwa, A., Chełmicki, W., Elbakidze, M., Hirschmugl, M., Hostert, P., Ibisch, P., Kozak, J., Kuemmerle, T., Matei, E., Ostapowicz, K., Pociask-Karteczka, J., Schmidt, L., van der Linden, S., & Zebisch, M. (2009). Global change research in the Carpathian Mountain Region. *Mountain Research and Development*, 29(3): 282-288.

Haywood, K. M. (2000). Responsible and responsive tourism planning in the community. *In* C. Ryan & S. Page (eds). *Tourism Management: Towards the New Millennium*. Elsevier Science Ltd: Oxford, UK.

Heyvaert, M., Maes, B., & Onghena, P. (2013). Mixed methods research synthesis: Definition, framework, and potential. *Quality & Quantity*, 47(2): 659-676.

Hitchner, S.L., Lapu-Apu, F., Tarawe, L., Nabun-Aran, S., & Yesaya, E. (2009). Community-based transboundary ecotourism in the heart of Borneo: a case study of the Kelabit Highlands of Malaysia and the Kerayan Highlands of Indonesia. *Journal of Ecotourism*, 8(2): 193-213.

Huddleston, B., Ataman, E., de Salvo, P., Zanetti, M., Bloise, M., Bel, J., Francheschini, G., & Fe d'Ostiani, L. 2003. *Towards a GIS-Based Analysis of Mountain Environments and Populations. Rome, Italy*. Food and Agriculture Organization of the United Nations.

Ives, J. D. (1997). Comparative inequalities - mountain communities and mountain families. *In* Messerli, B. & Ives, J. D. (ed.) *Mountains of the World: A Global Priority*. Parthenon Publishing Group: London & New York.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2009). *Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jabil Mapjabil & Mohd. Khairuddin Mohad Sallehuddin (2010). Pelancongan tanah tinggi di Malaysia: Potensi dan prospek. Dlm. Yazed Salleh, Fauziah Ceh Leh, Mazdi Marzuki (ed.). *Isu-isu Semasa Alam Sekitar di Malaysia*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Keller, P. (2014). Mountainlikers: New trends of mountain tourism for the summer season. *8th World Congress on Snow and Mountain Tourism*. Andorra-la-Vella, Principality of Andorra, 9–10 April 2014.

Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah (2007). Komuniti mapan: Penilaian tahap kemapanan komuniti Orang Asli Temiar di negeri Perak. *Journal of Malaysian Institute of Planners* V: 113-129.

Kruk, E., Hummel, J. & Banskota, K. (2007). *Facilitating Sustainable Mountain Tourism: Volume 1: Resource Book*. International Centre for Integrated Mountain Development (ICIMOD): Kathmandu, Nepal.

Mastura Jaafar, Norjanah Mohd Bakri & S. Mostafa Rasoolimanesh (2015). Local community and tourism development: A study of rural mountainous destinations. *Modern Applied Science*, 9(8): 407-416.

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Mathieson, A., & Wall, G. (1982). *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Longman, London.

Md Shafiin Shukor, Norlida Hanim Mohd Salleh & Siti Hajar Mohd Idris (2017). An evaluation of the effects of motivation, satisfaction on destination loyalty: Case study tourism Malaysia. *International Journal of Social Sciences Management* 4(2): 137-147.

Mizpal Ali, Rosazman Hussin, Suhaimi Md. Yasir & Ahmad Tarmizi Abdul Rahman (2015). Projek estet mini rumpai laut dan penglibatan komuniti nelayan di daerah Semporna, Sabah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 1(1): 122-138.

Mohd Suhaily Yusri Che Ngah, Mazdi Marzuki, Abdul Jalil Ishak (2014). Impak pembangunan terhadap alam sekitar di Cameron Highlands: Keberkesanan dan perubahan. *Persidangan Geografi Kebangsaan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mountain Agenda (1999). *Mountains of the World – Tourism and Sustainable Mountain Development*. Berne: Switzerland.

Nepal, S. K. (2002). Mountain ecotourism and sustainable development. *Mountain Research and Development*, 22(2): 104-109.

Nepal, S. K. (2011). Mountain tourism and climate change: implications for the Nepal Himalaya. *Nepal Tourism & Development Review*, 1(1): 1-13.

Nepal, S. K., & Chipeniuk, R. (2005). Mountain tourism: towards a conceptual framework. *Tourism Geographies* 7(3): 313-333.

Noor Azrina Bt Ithnin (2008). *Persepsi Pelancong Terhadap Pelancongan Kesejahteraan (Kajian Kes: Kuala Lumpur dan Johor Bahru)*. Tesis Ijazah Sarjana Sains (Tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia.

Noraniza Binti Yusoff, Azlizan Talib & Yusuf Pon (2011). Impak pembangunan infrastruktur ke atas pembangunan komuniti penduduk di daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia. *Journal of Governance and Development*, Vol. 7: 16-36.

Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, Siti Hajar Mohd Idris, Abdul Hamid Jaafar & Doris Padmini Selvaratnam (2012). The indigenous community's perceptions of tourism development in the Cameron Highlands, Malaysia: a preliminary study. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, 4(1): 77-87.

Palomo, I. (2017). Climate change impacts on ecosystem services in high mountain areas: a literature review. *Mountain Research and Development*, 37(2): 179-187.

Peattie, R. (1936). *Mountain Geography: A Critique and Field Study*. Harvard University Press: Cambridge.

Ramzah Dambul & Amriah Buang (2008). Pelancongan di Kundasang, Sabah: Kekuatan dan kelemahan analisis positivisme. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. 4: 20-31.

South Gloucestershire Council. (2003). *What is community development?* http://www.southglos.gov.uk/corporate.comm work/comden.htm. Diakses pada 20 Februari 2019.

Suriati Ghazali, Chan, N.W. & Norizan Md Nor. 2006. The economic and socio-cultural impacts of ecotourism on the Orang Asli in Cameron Highlands, Pahang, Malaysia. In. Chan, N.W. (eds.). *Cameron Highlands: Issues & Challenges in Sustainable Development*. School of Humanities, Universiti Sains Malaysia: Penang, 94-106.

Tekguc, I. (2012). Kakakapan id Gayo Ngaran (Return to the Big Name). *Langscape (Terralingua), Sacred Natural Sites: Sources of Biocultural Diversity*, 2(11): 54-59.

Tourism Malaysia (2019). *Malaysia Tourism Statistics in Brief* dlm. https://www.tourism.gov.my/statistics. Diakses pada 20 Februari 2019.

Volume: 5 Issues: 29 [November, 2020] pp. 93 - 106]
International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)
eISSN: 0128-1844
Journal website: www.ijafb.com

Uhegbu, A. N. (2001). *Deterrents to information service for community development*. MBC University Press: Amerika Syarikat.

UNEP (2007). *Tourism and Mountains A Practical Guide to Managing the Environmental and Social Impacts of Mountain Tours*. United Nations Environment Programme, Paris.

Wan Suzita Wan Ibrahim, Habibah Ahmad & Hamzah Jusoh (2016). Tanah tinggi sebagai destinasi utama pelancongan wilayah: Potensi dan cabaran. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 12(14): 97-112.

Wilson, P. (2001). Listing the Irish hills and mountains. *Irish Geography*, 34(1), 89-95.

WTO (2013). *UNWTO Tourism Highlights: 2013 Edition*. UNWTO, Madrid.

Yahaya Ibrahim (2007). Komuniti pulau dalam era pembangunan: terpinggir atau meminggir? *Akademika*, Vol. 70: 57-76.

Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari & Mustaffa Omar (2009). Kesan ekonomi pelancongan terhadap komuniti Batek di Kuala Tahan, Pahang. *Jurnal e-Bangi*, 4(1): 1-12.

Zuriatunfadzliah Sahdan, Rosniza Aznie Che Rose & Habibah Ahmad (2009). Perubahan budaya orang Bateq dalam situasi ekopelancongan di taman negara. *Journal of Sciences and Humanities*, 4(1): 159-169.

Zurina Ahmad Saidi (2015). Pelancongan acara: tinjauan ulasan kepustakaan dan kerangka konseptual. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, November 5-7.